

# M'siswa baharu tanam 7,000 pokok

**SERDANG** ( 9 Julai) - Sebagai satu-satunya universiti yang indah dikelilingi flora yang subur menghijau, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program 'Kampus Indah Pelajar Gemilang' sebagai usaha mencintai alam sekitar dan persekitaran yang menarik.

Sebanyak 7,000 anak pokok ditanam oleh setiap mahasiswa baharu UPM sebagai satu sesi pendedahan terhadap kecintaan kepada alam sekitar dengan cara menanam sendiri pokok sambil mendekati alam tumbuhan.

Program yang mewajibkan setiap mahasiswa baharu menanam sebatang pokok menjadi amalan UPM

sempena Minggu Perkasa Putra. Ia dianjurkan Taman Pertanian Universiti (TPU) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa.

Majlis pelancaran 'Hari Kampus Indah Pelajar Gemilang' disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Madya Dr. Azali Mohamed dengan menanam Pokok Kembang Semangkok (*scaphium linearicarpum*) di Kolam Baru Dua, Bukit Ekspo.

Antara pokok yang terpilih untuk ditanam oleh mahasiswa ialah bunga raya berwarna putih, kuning, merah jambu, jingga dan merah, Ixora Sunkist, serta buah-buahan nadir.

Difahamkan pokok-

pokok tersebut ditanam mengikut landskap di setiap kawasan dan diberikan label nama penanamnya di batang pokok tersebut. Teknik penanaman yang betul juga diterangkan terlebih dahulu oleh para pegawai TPU yang bertugas.

Pengarah TPU, Abdul Ghani Hashim berkata aktiviti menanam pokok ini melibatkan kawasan pejabat utama TPU, sekitar kebun bunga, kawasan ERL dan Kawasan Satelit Bumi Time, Ladang Pastura dan Aboratum, Unit Ekuin, Kompleks Agroteknologi, dan kawasan hidupan liar.

"Aktiviti mesra alam ini dapat meningkatkan keharmonian persekitaran kam-

pus, mengekal dan meningkatkan suasana keceriaan serta kehijauan kampus. Ini kerana, pokok-pokok yang ditanam berfungsi sebagai penutup bumi, hiasan landskap, pemuliharaan, sulaman dan menukar jenis pokok.

Di UPM, Taman Pertanian Universiti bertanggungjawab mentadbir hamipir 600 hektar kawasan pertanian kampus Serdang dan ladang Puchong yang jaraknya kira-kiranya lima kilometer daripada kampus induk. Pembangunan kawasan menjurus kepada keperluan pengajaran dan penyelidikan serta diseimbangkan dengan keperluan riadah dan rekreasi.